



**SOALAN LAZIM BERKAITAN URUSAN PERCUKAIAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (18 MAC 2020 HINGGA 14 APRIL 2020)**

(Dikemas kini pada 3 April 2020)

A. UMUM

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah pejabat dan kaunter LHDNM akan beroperasi pada tempoh 18 Mac 2020 hingga 14 April 2020?	<p>Semua premis LHDNM (kecuali kaunter duti setem di Pejabat Setem Cawangan dan Hasil Care Line) di seluruh Negara ditutup mulai 18 Mac 2020 hingga 14 April 2020. Sila rujuk Kenyataan Media LHDNM berkaitan perkhidmatan yang disediakan untuk kemudahan pelanggan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan seperti berikut:</p> <p>a) 17 Mac 2020: http://lampiran2.hasil.gov.my/pdf/pdfam/Media_LHDNM_17_032020_SEMUA_PREMIS_LHDNM_DITUTUP_DARI_18MAC2020_HINGGA_31MAC2020.pdf</p> <p>b) 24 Mac 2020: http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/Kenyataan_Media_LHDNM_24_Mac_2020_PERKHIDMATAN_LHDNM_DALAM_TEMPOH_PERINTAH_KAWALAN_PERGERAKAN.pdf</p> <p>c) 27 Mac 2020: http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KM_27032020_SEMUA_PREMIS_LHDNM_DITUTUP_SEHINGGA_PERINTAH_KAWALAN_PERGERAKAN_TAMAT_1.pdf</p> <p>d) 29 Mac 2020: http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KM_29032020_HASILCARELINE_AKAN_BEROPERASI_SEMULA_MULAI_30MAC2020_BAGI_MENJAWAB_PERTANYAAN_BERKAITAN_BANTUAN_PRIHATIN_NASIONAL_1.pdf</p> <p>e) 2 April 2020: http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/Media_LHDNM_02_042020_PEMBUKAAN_KAUNTER_DUTI_SETEM_DI_PEJABAT_SETEM_CAWANGAN_LHDNM_MULAI_3_APRIL_2020.pdf</p> <p>Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan percukaian, pembayar cukai boleh menggunakan Borang Maklum Balas di Portal Rasmi LHDNM di pautan:</p>

		https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY
2.	Adakah lanjutan masa akan diberikan jika pembayar cukai perlu mengemukakan dokumen dalam tempoh 18 Mac 2020 hingga 29 April 2020 bagi kes sedang diaudit / disiasat?	Lanjutan masa akan diberikan sehingga 30 April 2020.
3.	Adakah lanjutan masa akan diberikan jika pembayar cukai dikehendaki mengemukakan maklum balas kepada surat LHDNM dalam tempoh 18 Mac 2020 hingga 29 April 2020?	Lanjutan masa akan diberikan sehingga 30 April 2020.
4.	Adakah derma kepada Tabung COVID-19 dibenarkan sebagai potongan cukai?	Ya. Sila rujuk Kenyataan Media LHDNM bertarikh 26 Mac 2020 di pautan berikut: http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/Media_LHDNM_26032_020_INSENTIF_POTONGAN_CUKAI_BAGI_SUMBANGAN KEPADA TABUNG_COVID19.pdf

B. ezHASiL

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Bagaimana untuk membuat permohonan no. pin e-Filing?	Pembayar cukai boleh membuat permohonan melalui: a) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi LHDNM di pautan: https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY ATAU b) Panduan Pengguna di pautan: https://ez.hasil.gov.my/CI/Bantuan_Anon.aspx
2.	Bagaimana untuk mendapatkan nombor cukai pendapatan?	Permohonan nombor cukai pendapatan dalam talian boleh dibuat melalui aplikasi e-Daftar. http://edaftar.hasil.gov.my/index.php

3.	Jika terlupa kata laluan e-Filing, apa perlu saya buat?	<p>a) Pembayar cukai yang mempunyai alamat e-mel berdaftar atau nombor telefon bimbit berdaftar dengan LHDNM:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Klik set semula kata laluan melalui menu ‘Terlupa Kata Laluan’ di ezHASiL. <p>b) Pembayar cukai yang tiada alamat e-mel dan nombor telefon bimbit berdaftar; atau terdapat perubahan pada alamat e-mel berdaftar dan juga nombor telefon bimbit berdaftar:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kemas kini maklumat melalui Borang Maklum Balas di Portal Rasmi LHDNM di pautan: https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY
----	---	---

C. BORANG

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah LHDNM akan memberikan tambahan masa bagi pengemukaan borang nyata secara manual atau e-Filing?	<p>Tambahan masa diberikan seperti Program Memfail Borang Nyata bagi Tahun 2020 (Pindaan 1/2020).</p> <p>http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2020_Pin.1_1.pdf</p>
2.	Adakah tambahan masa diberi bagi pengemukaan Penyata Bayaran Insentif Berbentuk Wang Tunai Dan Bukan Wang Tunai Kepada Ejen, Pengedar atau Pengagih (Borang CP58)?	Lanjutan masa diberikan sehingga 30 April 2020.
3.	Adakah lanjutan masa diberi bagi pengemukaan Notis Rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) [Borang Q] di mana tarikh akhir jatuh dalam tempoh ini?	Lanjutan masa diberikan sehingga 30 April 2020. Walau bagaimanapun bagi mematuhi peruntukan seksyen 100 ACP 1967, pembayar cukai perlu mengisi Borang N dengan menyatakan alasan kelewatan iaitu disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan.

4.	Adakah LHDNM akan memberikan tambahan masa bagi pengemukaan <i>Country-by-Country Reporting</i> (CbCR)?	<p>a) Entiti di Malaysia yang bertanggungjawab memfailkan laporan CbCR diberikan lanjutan masa seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Laporan CbCR yang perlu dikemukakan pada 31 Mac 2020: Lanjutan masa sehingga 15 Mei 2020. ii. Laporan CbCR yang perlu dikemukakan pada 30 April 2020: Lanjutan masa sehingga 15 Mei 2020. <p>b) Entiti konstituen di Malaysia yang bertanggungjawab memfailkan pemberitahuan atau notifikasi CbCR diberikan lanjutan masa seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Notifikasi CbCR yang perlu dikemukakan pada 31 Mac 2020: Lanjutan masa sehingga 15 Mei 2020. ii. Notifikasi CbCR yang perlu dikemukakan pada 30 April 2020: Lanjutan masa sehingga 15 Mei 2020.
5.	Bagaimana untuk mengemukakan Borang CP21, CP22, CP22A atau CP22B dalam tempoh ini?	Borang boleh dikemukakan mulai 15 April 2020.
6.	Apakah alternatif lain jika e-Residence tidak dapat digunakan kerana perlu menyertakan dokumen sokongan?	<p>Permohonan boleh dikemukakan pada 15 April 2020. Bagi kes-kes segera yang tidak boleh ditangguhkan, sila hubungi LHDNM di alamat e-mel berikut:</p> <p>lhdn_int@hasil.gov.my</p> <p>Maklumat lanjut boleh diperoleh di pautan berikut:</p> <p>http://www.hasil.gov.my/bt_goindex.php?bt_kump=5&bt_skum=6&bt_posi=6&bt_unit=1&bt_sequ=1</p>
7.	Bagaimana permohonan Surat Penyelesaian Cukai (SPC) dalam tempoh ini boleh dibuat?	Permohonan SPC boleh dibuat melalui e-SPC pada bila-bila masa atau hadir ke pejabat LHDNM mulai 15 April 2020. Pemprosesan permohonan SPC akan dibuat mulai 15 April 2020.
8.	Adakah tambahan masa diberikan kepada entiti Labuan bagi mengemukakan borang pemilihan yang tidak boleh dibatalkan untuk dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (Borang LE3) di mana tarikh akhir pengemukaan adalah dalam tempoh ini?	<p>Contoh senario:</p> <p>Tempoh perakaunan / tempoh asas bagi entiti Labuan adalah 01/01/2020 – 31/12/2020. Tarikh akhir penghantaran Borang LE3 bagi Tahun Taksiran 2020 adalah pada 31/03/2020.</p> <p>Tambahan masa mengemukakan Borang LE3 bagi Tahun Taksiran 2020 diberikan sehingga 30 April 2020.</p>

9.	Adakah tambahan masa akan diberikan jika pembayar cukai perlu mengemukakan Borang CP204B dalam tempoh 18 Mac 2020 hingga 14 April 2020?	Tambahan masa untuk mengemukakan pemberitahuan pertukaran tempoh perakaunan (Borang CP204B) akan diberikan sehingga 30 April 2020.
----	---	--

D. BAYARAN

Bil.	Soalan	Maklum Balas
Anggaran Cukai Pendapatan (CP204)		
1.	Adakah semua jenis pengemukaan borang yang melibatkan anggaran cukai dalam tempoh 18 Mac 2020 hingga 14 April 2020 diberi lanjutan masa?	Lanjutan masa diberikan sehingga 30 April 2020.
2.	Adakah lanjutan masa diberikan bagi bayaran CP204 yang sepatutnya dibayar sebelum atau pada 15 April 2020?	Lanjutan masa diberikan sehingga 30 April 2020.
3.	Bilakah tarikh akhir pengemukaan pindaan dalam bulan ketiga ansuran yang jatuh dalam tahun 2020?	Tarikh akhir pengemukaan pindaan pada bulan ketiga ansuran yang jatuh dalam tahun 2020 adalah berdasarkan tempoh asas syarikat. Bagi pindaan dalam bulan ketiga ansuran yang jatuh dalam bulan April 2020, lanjutan masa diberikan sehingga 30 April 2020.
4.	Siapakah yang layak untuk mendapat penangguhan bayaran CP204 selama 3 bulan mulai April 2020 hingga Jun 2020?	Semua jenis perniagaan yang berstatus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
5.	Siapakah yang layak untuk mendapat penangguhan bayaran CP204 selama 6 bulan mulai April 2020 hingga September 2020?	Semua syarikat yang berkaitan dengan industri pelancongan (termasuk yang berstatus PKS).

6.	Apakah kriteria perniagaan yang layak untuk mendapat status PKS?	Kriteria perniagaan yang layak untuk mendapat status PKS adalah seperti berikut: i. Mempunyai modal berbayar kurang atau sama dengan RM2.5 juta bagi saham biasa pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; dan ii. Mempunyai pendapatan kasar perniagaan RM50 juta dan ke bawah.
7.	Adakah PKS perlu membuat permohonan penangguhan CP204?	Tidak. Penangguhan bayaran CP204 akan diberi secara automatik kepada semua PKS seperti yang terdapat dalam rekod LHDNM.
8.	Sebelum ini telah dimaklumkan bahawa pembayar cukai yang berkaitan dengan industri pelancongan perlu membuat permohonan penangguhan bayaran CP204 secara manual. Adakah prosedur ini masih lagi terpakai?	Tidak. Penangguhan bayaran CP204 kepada semua pembayar cukai yang berkaitan dengan industri pelancongan yang mempunyai rekod dengan LHDNM akan diberi secara automatik.
Anggaran Cukai Pendapatan Selain Syarikat (CP500)		
9.	Adakah bayaran CP500 boleh ditangguhkan?	Ya. Boleh ditangguhkan mulai April 2020 hingga Jun 2020. Bulan yang layak mendapat penangguhan ialah bulan Mac 2020 dan Mei 2020.
10.	Adakah pembayar cukai dibenarkan untuk membuat pindaan CP500?	Ya. Pembayar cukai masih dibenarkan untuk membuat pindaan CP500 sebelum atau pada 30 Jun 2020.
11.	Adakah semua PKS layak mendapat penangguhan bayaran CP500?	Ya.
12.	Adakah pembayar cukai di bawah kategori PKS perlu membuat permohonan penangguhan bayaran CP500 kepada LHDNM?	Tidak. Penangguhan bayaran anggaran cukai CP500 akan diberi secara automatik kepada semua pembayar cukai yang layak dan mempunyai rekod bayaran dengan LHDNM.

Bayaran Cukai Pendapatan - Umum

13.	Adakah kenaikan cukai dikenakan sekiranya bayaran cukai (semua jenis bayaran cukai pendapatan) yang sepatutnya dibayar dalam tempoh 18 Mac 2020 hingga 14 April 2020 ini lewat dibayar?	Kenaikan cukai tidak akan dikenakan sekiranya bayaran dibuat sebelum atau pada 30 April 2020.
14.	Bilakah bayaran penangguhan CP204 / CP500 ini sepatutnya dijelaskan?	Pembayar cukai tidak perlu menjelaskan penangguhan ansuran ini. Baki cukai (jika ada) perlu dijelaskan apabila borang nyata cukai pendapatan dikemukakan.
15.	Adakah penangguhan bayaran CP204 / CP500 boleh dikenakan kenaikan cukai di bawah seksyen 107C(9) / 107B(3) ACP 1967?	Tidak. Penangguhan bayaran CP204 / CP500 kepada syarikat / perniagaan yang layak di bawah PRE ini tidak akan dikenakan kenaikan cukai di bawah 107C(9) / 107B(3) ACP 1967.
16.	Adakah tambahan masa diberikan bagi pengemukaan borang nyata dan bayaran cukai entiti Labuan dalam tempoh ini?	Tambahan masa diberikan sehingga 30 April 2020.
17.	Bagaimana untuk membuat transaksi bayaran yang melebihi had dibenarkan oleh perbankan internet?	Bayaran cukai melebihi RM1 juta boleh dilakukan melalui Pindahan Telegrafik (<i>Telegraphic Transfer</i>). Walau bagaimanapun, pembayar cukai perlu mengemukakan butiran lanjut pembayaran kepada LHDNM melalui faksimili 03-6201 9637 atau e-mel kepada: HelpTTpayment@hasil.gov.my Kegagalan mengemukakan maklumat akan menyebabkan bayaran tidak dapat dikemas kini pada lejar pembayar cukai.
18.	Bagaimana untuk membuat bayaran cukai pegangan dalam tempoh ini?	Bayaran cukai pegangan yang tarikh akhirnya antara 18 Mac 2020 hingga 14 April 2020 boleh dibayar mulai dari 15 April 2020 sehingga 30 April 2020. Bayaran boleh dilakukan melalui pindahan telegrafik (TT) dengan mengemukakan maklumat lengkap bayaran kepada LHDNM melalui faksimili ke nombor 03-6201 9637 atau e-mel ke alamat berikut: HelpTTpayment@hasil.gov.my

19.	Adakah penalti dikenakan ke atas cukai pegangan yang sepatutnya dibayar dalam tempoh ini?	Bayaran cukai pegangan yang tarikh akhirnya antara 18 Mac 2020 hingga 14 April 2020 boleh dibayar mulai dari 15 April 2020 sehingga 30 April 2020. Penalti tidak akan dikenakan atas kelewatan bayaran dalam tempoh tersebut.
20.	Adakah lanjutan masa diberikan untuk mengemukakan data dan bayaran PCB / CP38 bagi saraan daripada penggajian bulan Mac 2020?	Lanjutan masa diberikan sehingga 30 April 2020.
21.	Adakah bayaran kompaun PCB yang sepatutnya dibayar dalam tempoh ini ditangguhkan?	Bayaran boleh dibuat sebelum 30 April 2020.
22.	Adakah LHDNM akan menangguhkan proses bayaran balik cukai?	Proses bayaran balik akan dibuat seperti biasa.

E. CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT)

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah lanjutan masa diberi bagi pengemukaan borang dan bayaran cukai CKHT?	Bagi pengemukaan borang dan bayaran cukai CKHT (seksyen 21B dan bayaran atas notis taksiran) yang mana tarikh akhirnya jatuh pada 18 Mac 2020 hingga 30 April 2020, maka tarikh akhir pengemukaan borang dan bayaran adalah pada 30 April 2020.

F. DUTI SETEM

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah surat perjanjian jual beli rumah boleh disetem dalam tempoh ini?	Perjanjian jual beli rumah dikenakan duti sebanyak RM10.00. Surat perjanjian jual beli rumah boleh disetem seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Pembayar duti boleh membeli setem hasil daripada Pejabat Pos. ii. Lekatkan setem hasil bernilai RM10 ke atas perjanjian jual beli rumah. iii. Batalkan setem hasil dengan membuat garis palang menggunakan pen hitam dan catat tarikh semasa ke atas setem hasil tersebut.

		Cara pembatalan setem hasil ini boleh digunakan untuk dokumen yang dikenakan duti tetap di bawah perkara 4, Jadual Pertama Akta Setem 1949 seperti perjanjian jual beli rumah sahaja.
2.	Apa itu Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem Secara Dalam Talian?	Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem Secara Dalam Talian (STAMPS) adalah sistem yang membolehkan permohonan taksiran dan bayaran duti setem ke atas dokumen atau perjanjian dibuat secara dalam talian.
3.	Siapakah yang boleh menggunakan STAMPS?	Semua firma guaman, syarikat, perkongsian, perniagaan, institusi kewangan atau ejen yang sah berdaftar dengan mana-mana pendaftar syarikat di Malaysia.
4.	Bolehkah individu menggunakan STAMPS?	Individu boleh menggunakan STAMPS sekiranya mempunyai perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
5.	Bagaimana jika individu yang tiada perniagaan berdaftar dengan SSM boleh membuat penyeteman dokumen dalam tempoh ini?	<p>Penyeteman dokumen individu tidak boleh dilaksanakan dalam tempoh ini.</p> <p>Penyeteman perlu dibuat secara manual di kaunter Pejabat Setem Cawangan / Pusat Khidmat Hasil / UTC Johor Bharu selepas 14 April 2020. Penalti tidak akan dikenakan kerana lanjutan masa diberikan sehingga 30 April 2020 ke atas semua dokumen yang sepatutnya disetamkan antara 18 Mac 2020 sehingga 14 April 2020.</p> <p>Kaunter duti setem di seluruh negara akan beroperasi mulai 3 April 2020 untuk pembayar duti individu. Walau bagaimanapun, perkhidmatan yang disediakan adalah terhadap kepada:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Penyeteman untuk individu dan orang awam yang tiada ID pengguna STAMPS. ii. Pembayaran duti setem atas notis taksiran yang tidak boleh dibuat secara dalam talian.
6.	Bagaimana orang selain individu atau orang awam boleh membuat penyeteman?	<p>Mereka boleh membuat penyeteman dalam talian melalui STAMPS di:</p> <p>https://stamps.hasil.gov.my</p> <p>Ejen atau wakil yang mempunyai ID pengguna STAMPS diwajibkan untuk mengemukakan permohonan penyeteman dan membuat pembayaran secara dalam talian.</p>

7.	Adakah semua kaunter duti setem dibuka dan bagaimana dengan waktu operasi kaunter tersebut?	<p>Kaunter duti setem di Pejabat Setem Cawangan di seluruh Malaysia akan beroperasi mulai 3 April 2020. Kaunter duti setem di Pusat Khidmat Hasil dan UTC Johor kekal ditutup sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan tamat.</p> <p>Sila rujuk Kenyataan Media LHDNM berkaitan waktu perkhidmatan kaunter duti setem seperti berikut:</p> <p>http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/Media_LHDNM_02042_020_PEMBUKAAN_KAUNTER_DUTI_SETEM_DI_PEJABAT_SETEM_CAWANGAN_LHDNM_MULAI_3_APRIL_2020.pdf</p>
8.	Bagaimana untuk membuat pembayaran secara dalam talian?	<p>i. Bayaran dalam talian boleh dibuat oleh pengguna STAMPS melalui medium FPX, CIMB Bizz Channel atau Public Bank bagi kes yang telah berstatus sedia untuk bayaran duti.</p> <p>ii. Cetak sijil setem setelah pembayaran berjaya dilaksanakan.</p> <p>iii. Lekatkan sijil setem di atas dokumen perjanjian sebagai bukti duti setem telah dibayar.</p>
9.	Adakah saya akan dikenakan penalti sekiranya lewat membuat bayaran?	<p>Sekiranya tarikh akhir bayaran notis taksiran duti setem jatuh antara 18 Mac 2020 sehingga 14 April 2020, bayaran masih boleh dibuat sehingga 30 April 2020. Penalti tidak akan dikenakan atas kelewatan bayaran.</p>
10.	Bagaimana semakan pengesahan Sijil Setem boleh dibuat?	<p>Semakan boleh dibuat melalui:</p> <p>a) https://stamps.hasil.gov.my/stamps/</p> <p>ATAU</p> <p>b) aplikasi telefon mudah alih</p> <p>Muat turun Aplikasi Semakan Ketulenan Sijil (ANDROID / iOS)</p>